



Pendidikan & Latihan



AeU tembusi pendidikan 33 negara

■ Pembelajaran tanpa sempadan beri pengalaman bekerja di peringkat antarabangsa

Oleh Mahaizura Abd Malik
mahaizura@hmetro.com.my

Selaras konsep pembelajaran tanpa sempadan dan merentas global, Asia e University (AeU), sudah menembusi pasaran industri pendidikan di 33 negara Kerjasama Dialog Asia (ACD) seperti China, India, Pakistan, Sri Lanka, Kemboja, Vietnam, Myanmar, Indonesia, Singapura, Thailand, Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Bahrain, Bangladesh dan Maldives.

Malah, AeU turut menjalin kerjasama dan berjaya memasuki pasaran di negara bukan ahli ACD seperti Denmark, New Zealand, Hong Kong, Namibia, Kenya, Nigeria, Somalia, Yaman, Mauritius dan United Kingdom.

Baru-baru ini, lebih 1,200 graduan dari serata dunia menyertai Majlis Konvokesyen AeU kali keempat dan daripada jumlah itu, kira-kira 300 graduan antarabangsa berasal dari Indonesia, Sri Lanka, Vietnam, Namibia dan beberapa negara ACD lain.

Pada majlis itu, turut bergelar graduan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Kepujian) adalah 47 pelajar dari Indonesia yang terdiri daripada dua kumpulan yang mengikuti program ini sejak 2009 dan 2010 yang dijalankan hasil kerjasama antara AeU serta Politeknik Negeri Jakarta (PNJ) di Indonesia.

Pelajar AeU-PNJ menjalani pengajian mereka secara jarak jauh untuk tiga tahun



"Pendedahan bekerja di Afteroffice.com semasa latihan industri memberikan satu pengalaman bermakna"
Nana Puspita

pertama pengajian, di mana mereka perlu menghadiri kelas yang diadakan di Indonesia.

Pada tahun terakhir pengajian iaitu tahun keempat, pelajar mempunyai pilihan sama ada untuk meneruskan mod pengajian secara jarak jauh di Indonesia atau menyambung pengajian sepenuh masa di AeU, Malaysia.

Pelajar yang mengikuti pengajian jarak jauh di Indonesia disokong sistem pengurusan pembelajaran

myPLS (Personalised Learning Space) yang membolehkan pelajar mencapai dan memuat turun bahan pembelajaran serta isi kandungan video berkaitan.

Melalui myPLS juga, pelajar boleh berkomunikasi dengan fasilitator akademik melalui forum serta menghantar tugas secara atas talian.

Bagi pelajar AeU yang menuntut secara sepenuh masa pula, pertemuan dengan pensyarah akan

diadakan setiap minggu untuk memberi peluang mereka bersemuka dengan pensyarah.

Program kerjasama antara AeU dan PNJ turut menyelenggarakan penempatan industri pelajar sama ada di Malaysia atau Indonesia bergantung kepada lokasi pembelajaran mereka.

Pelajar sepenuh masa di Malaysia akan menduduki peperiksaan mereka di Kuala Lumpur, manakala pelajar jarak jauh di Indonesia pula akan menduduki peperiksaan mereka di Jakarta, malah pelajar PNJ dibenarkan menukar mod pembelajaran ketika menuntut daripada pengajian secara jarak jauh kepada pengajian sepenuh masa atau sebaliknya.

Graduan Sarjana Muda Teknologi Maklumat dan Komunikasi boleh bekerja dalam pelbagai industri seperti pendidikan, perbankan, korporat, telekomunikasi, percetakan, filem/animasi, penerbitan dan pengiklanan.

Menerusi hubungan kerjasama antara AeU dengan pemain industri ICT tanah air, AeU akan menempatkan pelajar di firma teknologi maklumat terpilih bagi

tujuan latihan sambil bekerja.

Pada akhir latihan, hanya pelajar yang sesuai dan cemerlang saja akan dipilih firma itu untuk diambil bekerja termasuk menguruskan perihwal visa bekerja mereka.

Berkongsi kisah kejayaannya, seorang graduan Sarjana Muda Maklumat dan Komunikasi (ICT) Nana Puspita Sari yang sudah bekerja di Dell Asia Pacific Sdn Bhd, Pulau Pinang menyifatkan pembelajaran di AeU menyeluruh merangkumi ilmu teori dan praktikal mengenai ICT yang bermanfaat untuk melangkah membina kerjayanya.

"Pengalaman menimba ilmu daripada ramai pensyarah berlainan bangsa dan latar belakang industri berbeza, menjadikan saya mampu memahami kelainan dialek bahasa Inggeris serta cepat menyesuaikan diri dalam persekitaran berbilang budaya.

"Saya seronok mengikuti kelas komunikasi yang diadakan di luar kelas mengi-

kut kesesuaian subjek diajar. Malah, penguasaan bahasa Inggeris saya bertambah baik hasil daripada interaksi dengan pensyarah AeU.

"Malah, pendedahan bekerja di Afteroffice.com semasa latihan industri AeU memberikan satu pengalaman bermakna dan berguna bagi saya sebagai seorang profesional di bidang ICT," katanya.

Semua program pengajian bertaraf antarabangsa dan diukur berdasarkan tanda aras yang diluluskan Kementerian Pendidikan Malaysia dan diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Hari Pendaftaran Khas untuk pengambilan Januari masih dibuka pada 7 Februari ini, jam 9 pagi hingga 1 petang di kampus utama AeU, No 4 Jalan Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur.

Pendaftaran boleh dilakukan secara atas talian di www.aeu.edu.my atau kami boleh dihubungi di talian bebas tol 1 300 300 238.



PELAJAR boleh memilih pengajian sepenuh masa atau dalam talian.



KAMPUS AeU di Kuala Lumpur.